

Headline	Kelantan diminta bertanggungjawab jangkitan HIV, Aids		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	6	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 677
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,031



Kelantan diminta bertanggungjawab jangkitan HIV, Aids

KUALA LUMPUR Kerajaan Kelantan diminta bertanggungjawab terhadap kenaikan kes jangkitan HIV dan Aids di negeri itu tahun lalu.

Ketua Puteri Umno Bachok, Che Hanuni Che Ali berkata, penularan gejala sosial penyebab HIV dan Aids amat memalukan memandangkan negeri itu digelar sebagai Serambi Makkah.

“Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kata pun-

ca HIV tinggi kerana mereka gagal melaksanakan hukum hudud yang diluluskan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 1993 kerana halangan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Kelantan bukan sahaja menjadi ‘juara HIV’ untuk tahun 2010, malah turut dinobatkan sebagai juara pada 2008 dan 2009, tetapi negeri bawah pemerintahan Pas itu meletakkan kesalahan kepada Umno atau Barisan Nasional,” katanya

ketika membahaskan usul sosial di Perhimpunan Agung Puteri Umno 2011, semalam.

Menurutnya, jumlah jangkitan baru HIV di Kelantan bermula Januari hingga Disember tahun lalu sebanyak 462 orang dengan kematian 88 orang.

Che Hanuni berkata, masyarakat tidak senang dengan kelakuan remaja yang berpelesen dengan pakaian yang menjolok mata, berambut merah, berdua-dua, berseke-

dudukan, berzina, membuang bayi dan sebagainya.

“Institusi masjid dan surau perlu dijadikan tempat menyelesaikan permasalahan keruntuhan akhlak remaja, selagi ia menuruti kehendak Islam dan tidak melanggar batas-batas syarak.

“Semua pihak bertanggungjawab menangani penyakit masyarakat ini, dari pemimpin negeri ke rakyat jelata, dari pegawai atasan sehingga ke pekerja biasa,” katanya.